

GEORGETOWN DAN MASALAH KESIHATAN DI ANTARA 1900 HINGGA 1940

Mahani Musa

Pulau Pinang mempunyai keistimewaan yang sukar dikenalpasti. Mungkin tidak sehebat Bangkok atau Canton tetapi Pulau Pinang sesungguhnya merupakan pusat pengumpulan barang dagangan yang penting bagi Negeri-negeri Melayu Bersekutu, Negeri-negeri Melayu Naungan Siam, Syarikat Hindia Timur Belanda dan India. Kemakmuran Pulau Pinang sebagai pusat perdagangan dapat dilihat dari jumlah tongkang-tongkang kecil dan besar yang tidak putus-putus berulang alik membawa muatan dari kapal-kapal dagang menuju ke jeti. Namun kemakmuran ini tidaklah melambangkan satu tahap kehidupan sosial yang lebih baik bagi penduduk pulau tersebut. Malah Pulau Pinang, di antara tahun 1900 hingga tahun 1940, sebenarnya terdedah kepada masalah kesihatan yang meruncing ekoran dari musim kemarau yang kerap melanda pulau tersebut. Tumpuan utama kajian ini ialah terhadap penyakit-penyakit serius yang muncul dalam tempoh tahun tersebut serta langkah-langkah yang diambil oleh Jabatan Kesihatan Pulau Pinang untuk mengawal keadaan ini.

Masalah kesihatan di Pulau Pinang kurang menarik perhatian para pengkaji. Kalau adapun mereka hanya menyentuh secara se-pintas lalu sahaja. Victor Purcell di dalam *The Chinese in Malaya* umpamanya menyentuh sedikit tentang hal ini dan itupun di kalangan orang-orang Cina di Georgetown pada awal abad ke 19 sahaja.¹ Tidak terdapat sebarang percubaan untuk meninjau peranan yang dimainkan oleh pihak Majlis perbandaran Pulau Pinang pada abad ke 20 yang sebenarnya boleh diibaratkan sedang "berperang", bukan berperang untuk mempertahankan kedaulatan tanahair tetapi berperang dengan sarang-sarang nyamuk dan berbagai-bagai gejala penyakit.

Sejak tahun 1899, Pulau Pinang dikatakan mempunyai kadar kematian yang tinggi yakni 29.09% dan kadar ini terus meningkat kepada 29.46% pada tahun 1900. Penyakit-penyakit seperti *bubonic plague*, *malaria*, *pneumonia*, *dysentery* dan *diarrhoea* dianggap sebagai penyebab utama kematian pada masa itu. *Bubonic plague*

¹ Lihat Victor Purcell, *The Chinese in Malaya*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1967, hal. 63-64.

muncul buat pertama kalinya pada tahun 1889. Pada bulan Mei 1899, 49 kes *bubonic plague* dilaporkan berlaku dan dari jumlah ini 16 orang menemui maut. Amat sukar untuk mengesan dari mana datangnya penyakit tersebut tetapi menurut laporan seorang Pegawai Kesihatan, dipercayai ia dibawa dari negeri China meskipun ada yang mengatakan ia merebak dari rumah-rumah urut di Jalan Campbell.²

Walau apapun tanggapan yang dibuat, Jabatan Kesihatan Pulau Pinang³ tanpa berlengah-lengah melancarkan langkah-langkah untuk mengawal dan mencegah penyakit tersebut. Kesihatan awam mendapat perhatian utama dan dalam hal ini gerakan membersihkan kawasan bandar dijalankan secara besar-besaran. Mungkin sukar dipercayai sekiranya Pulau Pinang dikatakan sebagai bandar yang penuh dengan sampah-sarap dan dihuni oleh tikus-tikus sebesar kucing tetapi itulah hakikatnya dan ini dapat dibuktikan dari jumlah sampah-sarap yang dipungut setiap tahun. Pada tahun 1900, umpamanya, sebanyak 1,105 tong yang penuh dengan sampah-sarap telah dipunggah dari rumah-rumah, lorong-lorong dan juga kawasan-kawasan pejabat. Jumlah ini terus meningkat kepada 4,287 tong pada tahun 1907 meskipun tong-tong sampah kecil telah diletakkan di setiap rumah oleh pihak Majlis Perbandaran.⁴

Rata-rata penghuni bandar Georgetown mempunyai tabiat suka melonggok sampah-sarap di lorong-lorong dan juga di tepi jalan-raya. Bukan sahaja kurang menyenangkan dari segi bau bahkan longgokan sampah-sarap ini mempercepatkan lagi pembiakan tikus. Penangkap-penangkap tikus terpaksa melawat dari rumah ke rumah dan dalam bulan Mac 1907, dari jumlah 349 buah rumah yang dilawati mereka berjaya menyingkir 5,508 ekor tikus.⁵ Bayangkanlah betapa bahayanya keadaan kesihatan masyarakat Georgetown pada masa itu lebih-lebih lagi tikus dipercayai sebagai penyebar utama penyakit *plague*. Pada tahun yang sama juga pihak Perbandaran telah menawarkan sugu hati sebanyak 2 sen bagi setiap ekor tikus yang dibunuh. Tawaran ini nampaknya mendapat

² *Municipality of Georgetown Annual Report 1899.*

³ Jabatan Kesihatan Majlis Perbandaran Pulau Pinang ditubuhkan pada tahun 1888. Jabatan ini bertanggungjawab bukan sahaja mengawasi kesihatan awam tetapi juga bertanggungjawab dalam soal memungut tol pasar, mengumpul perangkaan-perangkaan penting, mengendalikan lesen-lesen perdagangan yang dianggap merbahaya dan juga lesen-lesen rumah penginapan dan lain-lain lagi.

⁴ *The Straits Echo*, 25hb Mac, 1907.

⁵ *The Straits Echo*, 25 Mac 1907.

sambutan apabila penghuni bandar, tua dan muda berduyun-duyun keluar memburu tikus. Sejak itu jumlah tikus dikatakan semakin berkurangan jika dibandingkan dengan tahun-tahun sebelumnya.

Kebersihan bandar juga bertambah memuaskan terutamanya setelah "*Sanitary Improvement Department*" dan "*Scavenging Department*" disatukan pada awal 1909 untuk membentuk satu "*Conservancy Department*" yang luas peranannya. Penubuhan Jabatan baru ini memberi lebih banyak kuasa kepada Inspektor Kesihatan untuk menggunakan kuasa mereka. Kalau sebelum ini tugas utama mereka sekadar memeriksa kebersihan kawasan semata-mata tetapi kini mereka diberi kuasa untuk bertindak seperti mengenakan denda kepada sesiapa sahaja yang membuang sampah di tempat-tempat awam. Pada akhir tahun 1908 seramai 102 tuan rumah telah dikenakan denda kerana membuang sampah-sarap di tepi jalan raya. Tindakan mengenakan denda ini sekurang-kurangnya dapat menyelamatkan bandar Georgetown daripada terus menjadi tempat longgokan sampah dan pembiakan tikus.

Demam mungkin perkara biasa kepada kita tetapi di Pulau Pinang pada tahun 1908, dilaporkan 805 kematian berpunca dari demam biasa. Jumlah ini merupakan yang paling tinggi jika dibandingkan dengan hanya 580 kematian dalam tahun 1907 dan 616 pada tahun 1906.⁶ Namun perlu diambilkira bahawa tahun 1908 merupakan tahun yang paling lembab (119 inci hujan) dan pada masa yang sama kerja-kerja membaiki saluran air dan najis dijalankan di kawasan bandar yang seringkali menyebabkan berlakunya banjir. Nyamuk-nyamuk membiak dan akhirnya kematian yang berpunca daripada demam meningkat dengan hebat.

Kesihatan awam berkait rapat dengan kadar kematian. Pada tahun 1906 jumlah penduduk di kawasan Perbandaran Pulau Pinang dianggarkan 100,429. Kadar kematian pula adalah 39.38 per 1000 berbanding dengan 40.13 pada tahun 1905, 40.59 pada 1904 dan 37.14 pada 1903.⁷ Kadar kematian yang tinggi ini masih lagi berpunca dari penyakit-penyakit yang sama. Memanglah pihak Perbandaran sentiasa berusaha untuk membaiki keadaan kesihatan awam sebagai satu-satunya cara untuk mengurangkan kadar kematian namun ada juga kematian yang sebenarnya dapat dielakkan jika manusia bijak menggunakan akal mereka. Umpamanya 119 kes *tetanus* yang dilaporkan berlaku pada 1909 di kalangan bayi yang baru lahir adalah berpunca dari amalan ibubapa terutamanya

⁶ Lihat *Municipality of Georgetown Annual Report bagi tahun 1906, 1907 dan 1908*

⁷ Lihat *Municipality of Georgetown Annual Report* berhubung dengan kadar kematian bagi tahun 1903, 1904, 1905 an 1906.

yang berketurunan Hindu, memasukkan serbuk lada hitam ke dalam tali pusat bayi dan kemudian membalusnya dengan kain yang berwarna atas alasan untuk mengelakkan angin masuk ke dalam perut.⁸

Kematian di kalangan kanak-kanak amatlah dikesali. Jabatan Kesihatan mendapati kanak-kanak hanya dibawa ke hospital setelah keadaan mereka sudah parah. Lalu untuk menghindar hospital daripada terus menjadi tempat buangan kanak-kanak sedemikian maka bermula pada tahun 1915 pihak hospital diarahkan menolak kemasukan kanak-kanak yang sudah parah keadaannya semasa dibawa ke hospital. Kaum-kaum ibu kini mula diberi pengetahuan tentang cara-cara penjagaan bayi yang sempurna. Pada tahun 1923 Pulau Pinang sudah mempunyai hospital bersalin dah pada tahun 1936, Dr. W.H. Brodie membuka Pusat Bersalin dan Kebajikan Kanak-kanak di dua tempat iaitu di Kimberley Street dan satu lagi di Coolie Line.⁹ Di pusat-pusat ini ibu-ibu diajar cara-cara penyusuhan, pemakanan dan penjagaan bayi. Lawatan dari rumah ke rumah juga dibuat oleh jururawat-jururawat perbandaran bersama-sama bidan daerah. Pembaharuan juga dibuat dari segi tempoh perkhidmatan bidan daerah. Kalau di masa lalu bidan diberi tempoh berkhidmat selama enam bulan sahaja di satu-satu daerah tetapi pada tahun 1936 Jabatan Kesihatan telah memanjangkan tempoh tersebut bagi membolehkan bidan-bidan memberi khidmat yang lebih baik kepada kaum ibu dan bayi. Kemudahan-kemudahan seperti ini sekurang-kurangnya berjaya mengurangkan kematian di kalangan kanak-kanak dari 367 pada tahun 1904 kepada 155 pada tahun 1923 dan semakin menurun selepas tahun 1936.

Penyakit serius selepas perang ialah selsema. Kes pertama selsema dilaporkan pada Julai 1918 dan merebak ke seluruh pelusuk pulau ini pada bulan Oktober. Seorang Pegawai Perubatan melaporkan,¹⁰

The influenza epidemic which is at present raging in almost every part of Malaya, has now spread over Nibong Tebal and its neighbourhood. The Estate Hospital at Caledonia is said to be full of patients suffering from this infectious disease, while the Government Hospital at Sungai Bakap has given out many bottles of mixtures. Over half a dozen of the staff of District Office, Nibong Tebal, are to-day laid up with this disease".

Demikianlah hebatnya serangan selsema dan boleh dikatakan setiap isi rumah terlibat. Perniagaan terhenti, panggung wayang dan

⁸ *Municipality of Georgetown Annual Report 1909.*

⁹ *Municipality of Georgetown Annual Report 1936.*

¹⁰ *The Straits Echo*, 15th Oktober, 1918.

beberapa buah sekolah terpaksa ditutup. Kumpulan buruh-buruh India paling teruk diserang penyakit ini. Kematian pada bulan Oktober berjumlah 1013 berbanding dengan 283 pada tahun 1913 dan pada masa ini dikatakan hospital daerah dan Hospital Besar Georgetown dipenuhi oleh pesakit. Poster-poster yang melarang orang ramai meludah di merata-rata tempat dilekatkan di setiap sudut bandar Georgetown. Pegawai-pegawai Kesihatan melawat dari rumah ke rumah dan pesakit-pesakit yang miskin pula dihantar ke *Influenza Relief Committee*.¹¹ Pada masa yang sama ubat-ubat percuma beserta ubat-ubat kumur dibuat di Pejabat Perbandaran dan di daerah yang terpencil bekalan ubatan dihantar setiap hari.

Hasil daripada langkah-langkah yang diambil, maka penyakit selsema secara beransur-ansur dapat dikawal. Pada November 1918 kematian berjumlah 498 orang dan pada tahun 1919, suasana semakin buruk di mana dari jumlah 35 kes selsema yang dilaporkan berlaku 22 daripadanya menemui maut.

Setelah penyakit selsema dapat dikawal, penduduk Pulau Pinang sekali lagi dilanda rasa cemas apabila penyakit cacar mula menyerang pada Januari 1919. Penyakit ini sebenarnya telah pun muncul pada tahun 1900 dengan 128 kes yang melibatkan 50 kematian. Walau bagaimanapun, tahun 1919 merupakan kemuncak dan untuk keseluruhan tahun itu sahaja dilaporkan 369 kes cacar berlaku dengan 142 kematian. Kebanyakan yang terlibat adalah terdiri daripada mereka yang tidak pernah mendapat pelalian cacar.

Jabatan Kesihatan Majlis Perbandaran Pulau Pinang sebenarnya menghadapi masalah untuk menarik perhatian orang ramai supaya datang ke hospital untuk mendapatkan pelalian dan ubat. Baik untuk Melayu mahupun orang Cina, masing-masing mempunyai sikap yang tersendiri. Orang-orang Melayu masih tebal dengan prasangka bahawa ubat-ubatan yang diperkenalkan oleh Inggeris itu tidak mujarab serta mengandungi bahan-bahan yang diharamkan oleh agama Islam.¹² Mereka lebih gemar berjumpa bomoh daripada mendapatkan rawatan doktor. Sementara orang-orang Cina pula sibuk dengan aktiviti ekonomi harian dan tidak

¹¹ *Influenza Relief Committee* merupakan satu badan perlindungan yang ditubuhkan oleh orang-orang Cina tempatan untuk membiayai dan menjaga pesakit-pesakit yang miskin dari kalangan semua kaum. *Lam Hua Relief Fund* pula ditubuhkan untuk memberi rawatan dan ubat percuma kepada pesakit Cina miskin yang diserang oleh selsema.

¹² James Low pernah mendedahkan prasangka orang-orang Melayu bahawa ubat-ubatan Inggeris mengandungi bahan-bahan mengeras mayat dan tulang-tulang manusia yang telah dihancurkan. Lihat James Low, *The British Settlement of Penang*, Oxford University Press, London, 1972, h. 318.

begitu memperdulikan tentang soal menjaga kesihatan, rawatan dan sebagainya. Satu-satunya perkara yang membuka mata penghuni Pulau ini ialah angka kematian yang terus meningkat setiap hari. Sejak itu orang ramai berpusu-pusu menuju ke hospital untuk mendapatkan pelalian. Hasilnya, dari 23hb. Februari hingga 9hb Mac, 1919, dilaporkan hanya satu kes penyakit cacar sahaja berlaku iaitu melibatkan seorang Cina yang tidak mendapat pelalian cacar.¹³

Walau bagaimanapun, ini tidak bermakna penyakit itu telah hapus sama sekali. Ia dikatakan muncul sekali lagi pada 27hb Januari, 1930 di kawasan bandar dan dipercayai dibawa dari Kedah atau Thailand. Pada tahun itu sahaja terdapat 87 kes dengan 26 kematian.¹⁴

Di sepanjang tahun 1930 itu juga Pulau Pinang terpaksa memerangi penyakit batuk kering yang telah pun muncul beberapa tahun sebelum itu. Pada tahun itu sahaja 374 kematian berlaku kerana penyakit tersebut. Pihak berkuasa kesihatan tidak nampak cara lain untuk mengurangkan jumlah kematian melainkan dengan meningkatkan taraf kesihatan penduduk seperti mengadakan saluran najis yang sempurna.¹⁵ Walaupun jumlah kematian kerana batuk kering memperlihatkan kadar yang menurun pada tahun 1933 jika dibandingkan dengan tahun sebelumnya (253 pada tahun 1933 berbanding dengan 324 pada tahun 1932) tetapi seringkali berlaku maklumat-maklumat yang tidak tepat diberikan tentang angka sebenar kematian, adakah melebihi 50 peratus daripada jumlah sebenar kematian.

Malaria merupakan satu-satunya penyakit yang amat ditakuti oleh penduduk Pulau Pinang. Jumlah kematian dalam kawasan perbandaran pada tahun 1909 adalah 3,923 dan dari jumlah ini 656 kematian adalah merujuk kepada malaria. Tumpuan pihak Perbandaran adalah untuk menghapuskan tempat nyamuk membiak. Satu pasukan pemusnah nyamuk telah dibentuk untuk tujuan ini. Pada tahun 1913 terdapat 19 orang dalam kumpulan ini dan mereka telah menggunakan 4,120 gelen minyak petrol bagi memusnahkan tempat-tempat nyamuk membiak. Pengambilan buruh-buruh ini terus meningkat setiap tahun dan pada tahun 1931 terdapat 60 orang buruh dalam pasukan tersebut. Pada tahun 1938 keadaan agak berubah; nyamuk-nyamuk sudah dapat dikawal dan menurut seorang Pegawai Kesihatan "it is encouraging and pleasing to hear

¹³ *The Straits Echo*, 10hb Mac, 1920.

¹⁴ *Municipality of Georgetown Annual Report 1930*.

¹⁵ Di Pulau Pinang sehingga tahun 1930 masih belum wujud sistem saluran najis yang sempurna.

people boast of not having used their mosquito nets for so many years".¹⁶

Kerja-kerja melakukan pelalian diserahkan sepenuhnya kepada Inspektor Kesihatan dan pembantu-pembantunya. Di samping itu mereka juga membuat lawatan pada setiap pagi di kawasan-kawasan yang telah ditetapkan. Amat menarik, di sebalik tugas-tugas itu, Inspektor Kesihatan juga terpaksa membuat berbagai-bagai tugas sampingan seperti membuat panggilan kecemasan kepada jururawat apabila ada yang akan melahirkan anak, melawat bangunan-bangunan yang masih dalam kerja-kerja pembinaan dan sebagainya. Walau bagaimanapun, kerja-kerja itu sering terhalang kerana banyak masa dihabiskan untuk mencari bayi-bayi yang baru lahir di alamat yang salah.

Jumlah kematian berhubung dengan penyakit malaria sentiasa turun-naik. Pada tahun 1929 dilaporkan 103 kematian berlaku kerana penyakit tersebut. Jumlah berkurangan kepada 25 sahaja pada tahun 1934. Walau bagaimanapun, pada tahun 1937 ia meningkat kembali dengan 37 kematian tetapi empat tahun kemudian (1939) sekali lagi ia menurun kepada 25 kematian berhubung dengan penyakit tersebut.

Golongan pelajar paling ramai terdedah kepada jangkitan dan serangan penyakit. Bagi mengawal keadaan ini, kebersihan sekolah telah diletakkan di bawah pengawasan Jabatan Kesihatan. Pada tahun 1927 Pegawai Kesihatan telah melawat hampir 30 buah sekolah lelaki dan memeriksa 3,358 penuntut sementara di kawasan luar bandar pula sejumlah 475 pelajar perempuan dan 2045 pelajar lelaki telah diberikan rawatan. Pada tahun 1928 kes-kes yang telah diberi rawatan adalah seperti berikut:¹⁷

Pelalian cacar	685
Penyakit kulit	1,068
Gigi	28,184
Cacing Kerawit	3,949

Di samping lawatan-lawatan biasa, lawatan tambahan juga sentiasa dilakukan oleh Penolong Pegawai Kesihatan. Berhubung dengan ini, dari jumlah 1,746 orang pelajar yang diberi rawatan, didapati 514 orang daripadanya mempunyai tanda-tanda mengidap malaria. Berbagai langkah juga telah diambil untuk melaksanakan slogan "Wear Shoes" dalam usaha menghapuskan cacing kerawit.

¹⁶ *Penang Past and Present 1786-1963*, City Council of Georgetown, 1966, h. 69.

¹⁷ Dipetik dari *The Straits Echo*, 24hb November, 1928.

Dalam hal ini Encik Tan Kah Kee¹⁸ dengan murah hati telah mendermakan sejumlah besar kasut sekolah kepada pelajar-pelajar di luar bandar. Sementara itu Inspektor Kesihatan pada setiap bulan menjalankan pemeriksaan ke atas susu-susu yang dijual oleh penjual-penjual susu dari merata-rata tempat di kawasan bandar. Ini bagi memastikan hanya susu yang bersih sahaja dijual kepada orang ramai. Pada tahun 1929 sahaja seramai 189 penjual susu didaftarkan di Jabatan Kesihatan dan jumlah ini terus meningkat pada tahun berikutnya.

Memanglah sukar untuk memastikan setiap kanak-kanak sekolah berada di dalam keadaan sihat. Ini adalah kerana pihak Majlis Perbandaran sendiri menghadapi masalah untuk mengawal penjaja-penjaja di luar kawasan sekolah terutamanya penjaja-penjaja aiskerim.¹⁹ Penyakit tifoid muncul buat pertama kalinya pada tahun 1937 dengan 60 kes yang melibatkan 24 kematian. Tetapi tahun 1939 merupakan kemuncak penyakit itu dengan 848 kes dikesan. Pada 4 September 1939, register kedatangan murid, di Chinese Girls' School, menunjukkan ketidakhadiran sebanyak 20% daripada jumlah 800 orang pelajar.²⁰ Setelah siasatan dijalankan didapati kebanyakan yang jatuh sakit adalah terdiri daripada mereka yang sering membeli aiskerim daripada penjual-penjual aiskerim di luar kawasan sekolah tersebut. Daripada ujian-ujian kimia yang telah dijalankan, aiskirim-aiskirim yang dijual oleh penjaja-penjaja yang tidak mempunyai lesen ini ternyata tidak bersih dari segi pembuatannya.

Penyakit tifoid merebak dengan begitu cepat di kalangan kanak-kanak sekolah. Dalam masa beberapa hari sahaja sejak ia muncul, Dr. Lindow, Ketua Perubatan Jabatan Kesihatan Pulau

¹⁸. Tan Kah Kee berasal dari negeri China dan telah lama berhijrah dan menetap di Singapura. Beliau terkenal sebagai perintis industri, pengubah sosial dan orang yang banyak menderma kepada sekolah-sekolah dan persatuan-persatuan. Beliau boleh disifatkan sebagai seorang yang unik kerana menggunakan kekayaan dan kuasanya sebagai "The Henry Ford of Malaya" untuk membantu masyarakat melalui sumbangan dermanya. Lihat C.Y. Fong, *Tan Kah Kee: The Making of an Overseas Chinese Legend*, Oxford University Press, Singapore.

¹⁹. Walaupun sejak 1hb Januari, 1914 kerja-kerja melesen kedai makan diambil alih oleh Majlis Perbandaran, namun bilangan kedai-kedai makan dan penjaja di tepi jalan terus meningkat tanpa dapat dikawal sepenuhnya oleh pihak Perbandaran terutamanya dari segi memeriksa kebersihan tempat dan makanan yang disediakan. Bayangkanlah pada 1937 sahaja terdapat 743 buah kedai makan, 997 penjaga di tepi jalan dan bilangan penjaja dengan kereta tolak pula tidak terkira banyaknya! *Municipality of Georgetown Annual Report 1937*.

²⁰. *Municipality of Georgetown Annual Report 1939*.

Pinang terpaksa membuka sebuah wad di Hospital Besar khusus untuk pesakit-pesakit tifoid. Pada Oktober 1939, pihak Perbandaran telah mengharamkan pembikinan aiskrim tetapi kesannya tidaklah memuaskan. Pada tahun 1940 masih terdapat 391 kes dengan 107 kematian. Hanya selepas Perang Dunia Kedua, kempen menentang pembuatan aiskrim secara haram dipertingkatkan dan berjaya ditamatkan pada 1948. Perjuangan selama hampir sepuluh tahun itu jelas memperlihatkan betapa bahayanya perniagaan aiskrim terhadap kesihatan umum.

Dua perkara yang sentiasa diberi tumpuan oleh pihak Perbandaran, selain daripada langkah-langkah menjaga kebersihan ialah mengadakan bekalan air yang bersih kepada penduduk Pulau Pinang dan mengadakan sistem saluran najis yang sempurna. Ini merupakan aspek-aspek penting dalam kempen menentang penyakit. Di Pulau Pinang sejak tahun 1920an sudah terbina tiga empangan besar bagi menjamin bekalan air yang cukup untuk setiap isi rumah. Pada tahun 1935 sahaja, empangan di waterfall membekalkan 1,393,000 gelen air sehari. Empangan Guillemard membekalkan 2,842 gelen sehari dan empangan Ayer Itam sebanyak 2,461,000 gelen sehari. Contoh air dari empangan-empangan ini diambil setiap tahun dan diserahkan kepada Timbalan Pathologist Kerajaan untuk diuji.²¹

Sementara itu pada tahun 1931, skim mengadakan saluran najis yang sempurna dilancarkan dan menelan belanja sebanyak \$177,774. Skim ini siap pada tahun 1934 dan menjelang 1937 sebanyak 871 buah rumah kediaman telah pun mempunyai saluran najis yang sempurna.

Masalah penyakit yang berpunca dari kawasan persekitaran yang tidak bersih dan sebagainya boleh diperbaiki, umpamanya dengan mengadakan sistem bekalan air yang bersih dan cukup, memperbaiki sistem peparitan dan mengadakan sistem saluran najis yang sempurna seperti yang disebutkan di atas. Tetapi bagaimana pula dengan penyakit-penyakit yang sebenarnya berpunca dari keadaan taraf hidup yang buruk?

Kemelesetan ekonomi tahun 1921-1922 nampaknya telah membawa masalah baru kepada masyarakat Pulau Pinang. Kehidupan sosial di masa itu amatlah susah. Harga barang-barang melambung naik terutamanya bagi barang-barang yang diimport. Umpamanya, beras Burma hanya berharga \$10 bagi 28 gantang pada 1914 tetapi meningkat kepada \$28 pada 1920. Susu Nestle berharga \$15 setiap

²¹ *Municipality of Georgetown Annual Report 1935.*

satu tabung besar pada 1915 dan meningkat menjadi \$23 pada 1920. Harga barang-barang di pasar pula adalah seperti berikut:²²

	1914	1918	1920
Daging lembu	24 sen	30 sen	38-40 sen sekati
Telur Ayam	2.60 sen	3.50 sen	\$7-58 setiap 100
Ikan (senangin)	40 sen	45.50 sen	80-90 sen sekati
Ubi Kentang	3 sen	5 sen	7.8 sen sepauh
Gula	10 sen	30 sen	58 sen sekati

Kenaikan harga barang makanan memaksa penduduk Pulau Pinang mengurangkan makanan keluarga masing-masing. Kalau dahulu mereka mampu menyediakan makanan yang enak dan agak mewah tetapi kini mereka makan sekadar memenuhi keperluan harian. Golongan yang paling hebat menerima kesan kemelesetan ini ialah keluarga-keluarga miskin. Makanan yang biasa bagi kumpulan ini selalunya nasi bubur yang direbus bersama-sama ubi keledek. Nasi hanya dimakan sekali sehari sahaja. Kumpulan inilah yang kerap terdedah kepada penyakit-penyakit yang menyergang waktu itu memandangkan mereka kekurangan zat dan daya tahan untuk melawan penyakit. Dikatakan sejak tahun 1919 hingga-lah di masa kemelesetan ekonomi, jumlah kematian kerana penyakit kekurangan zat makanan (*Dietetic Disease*) adalah berjumlah 2183 orang.

Dari sudut kesihatan nampaknya keperitan hidup di zaman kemelesetan ini hampir sama dengan keazaban yang dialami semasa pendudukan Jepun yang pada asasnya seringkali dianggap sebagai zaman gelap dalam sejarah sosial negara ini. Memang tidak dinafikan keadaan telah banyak berubah semenjak negara mencapai kemerdekaan tetapi adakah ini menandakan satu perkembangan yang baik bagi bandaraya George Town itu sendiri? Persoalan ini timbul memandangkan hingga ke saat ini, soal kebersihan bandar tersebut masih lagi mendapat pandangan negatif dari para pengunjung.

²² Dipetik dari *The Straits Echo*, 16hb Mac, 1920.